

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MEI 2025  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

### Pertumbuhan ekonomi suku pertama dijangka 4.3 peratus

#### Pertumbuhan ekonomi suku pertama dijangka 4.3 peratus

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka menyederhana kepada 4.3 peratus pada suku pertama 2025, berbanding 5.0 peratus yang dicatatkan pada suku sebelumnya, menurut unjuran terbaharu AmBank Group.

Unjuran itu adalah sedikit di bawah jangkaan awal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) iaitu 4.4 peratus bagi tempoh sama.

AmBank Group dalam nota penyelidikan berkata, jangkaan lebih sederhana itu mengambil kira jumlah hari bekerja yang lebih singkat pada suku pertama, berikutan kehadiran beberapa cuti perayaan utama.

"Momentum pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan juga didorong oleh ketidakpastian dasar perdagangan global menjelang pengumuman tarif baharu oleh Amerika Syarikat (AS) pada 2 April 2025," katanya.

Bagaimanapun, permintaan domestik yang kukuh dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, sementara sektor luaran kekal disokong oleh aktiviti pemuatan hadapan (front-loading).

Penggunaan swasta dijangka mengekalkan prestasi memberangsangkan, sebagaimana ditunjukkan oleh pertumbuhan purata perdagangan runcit sebanyak 6.9 peratus pada suku pertama 2025, berbanding 6.1 peratus pada suku keempat 2024.

"Permintaan sempena musim perayaan serta pasaran tenaga kerja yang sihat turut menyumbang kepada pertumbuhan ini, dengan kadar pengangguran kekal rendah pada paras pra-pandemik iaitu 3.1 peratus," jelasnya.

AmBank turut menjangka beberapa langkah kerajaan seperti pelarasan gaji perjawat awam, agihan berterusan bantuan tunai bersasar serta peningkatan gaji minimum, akan terus merangsang perbelanjaan isi rumah.

Namun begitu, katanya, pertumbuhan sektor perkhidmatan yang lebih sederhana iaitu 5.2 peratus berbanding 6.1 peratus pada suku sebelumnya - didorong oleh jualan kenderaan bermotor yang lebih perlahan - dijangka menyumbang kepada sedikit penyusutan dalam penggunaan swasta kepada 4.6 peratus daripada 4.9 peratus sebelum ini.

Dalam pada itu, pelaburan swasta kekal kukuh, disokong oleh pelaksanaan berterusan projek pembangunan utama.

"Namun, pertumbuhan mungkin perlahan daripada 12.7 peratus yang direkodkan pada suku keempat 2024, memandangkan terdapat kemungkinan penangguhan beberapa aktiviti pelaburan akibat ketidakpastian persekitaran